

# 8 kawasan diceroboh semula

**Cameron Highlands:** Lapan kawasan penerokaan haram lama dan tiga kawasan baru dikesan diceroboh peneroka haram dalam Ops Gading 2 bermula 3 Mac lalu.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Datuk Seri Alias Ahmad berkata, daripada 83 peratus kawasan penerokaan haram membabitkan 2,258.16 hektar yang dibersihkan melalui Ops Gading 1, lapan kawasan dikesan diceroboh semula dan pihaknya akan mengambil tindakan segera menangani perkara itu dalam operasi terbaru ini.

Beliau berkata, selain kawasan lama yang diceroboh semula itu, pihaknya turut mengesan tiga kawasan baru yang diterokai untuk pertanian haram membabitkan kawasan seluas kira-kira 7 hektar.

“Kawasan penerokaan haram lama yang sebelum ini sudah dibersihkan, tetapi diceroboh semula adalah empat di Ringlet, masing-masing satu di Kampung Raja dan Lembah Bertam, selain dua di kawasan Sungai Mention, di sini.

“Bagi kawasan baru dikesan diceroboh pula adalah di Lembah Bertam dan Blue Valley dengan tindakan sedang dilakukan terhadap peneroka haram ini,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ops Gading 2 di Pejabat Majlis Daerah Cameron Highlands, di sini semalam.